

Jumlah pendeposit TH meningkat kepada 9.3 juta

Peningkatan jumlah pendeposit Lembaga Tabung Haji (TH) kepada 9.3 juta orang dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini membuktikan ia mampu berdiri teguh sebagai institusi Islam yang disegani dan diyakini.

Pencapaian itu juga disokong dengan rekod simpanan baharu RM4.3 bilion dan 91,000 akaun simpanan baharu.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, dengan keuntungan bersih berjumlah RM440 juta yang dicatatkan pada tempoh sama juga ia dapat memulihkan keyakinan pendeposit TH.

Beliau berkata, keyakinan itu juga akan semakin teguh

khususnya apabila TH dijangka mendapat pulangan sebanyak RM800 juta pada tahun ini daripada sukuk yang dikeluarkan oleh Urusharta Jamaah Sdn Bhd.

“Apa yang perlu dilakukan oleh TH sekarang ialah memastikan segala bentuk pelaburan yang dilakukan mestilah dilakukan dengan penuh profesional.

“Malah, apa yang perlu diberi penekanan utama, ia haruslah tidak dipengaruhi oleh kepentingan mana-mana individu.

“Sebagai institusi Islam yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan, TH perlu memastikan tadbir urus korporatnya berada di tahap yang tertinggi,” katanya di sini, semalam.